

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar Kerajaan dalam menangani masalah kesenjangan harta dalam kalangan Bumiputera sehinggakan golongan 0.2% teratas pemegang unit ASB mempunyai nilai pegangan yang jauh lebih tinggi berbanding 6.5 juta pemegang unit lain.

JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Maklumat terperinci saiz pegangan Tabung Amanah Saham Bumiputera (ASB) setakat 31 Disember 2018, adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5000 dan ke bawah	7,433,271	76.92	4,122,520,378	2.65
5,001 hingga 10,000	443,439	4.59	2,995,355,075	1.92
10,001 hingga 50,000	901,853	9.33	21,184,981,756	13.6
50,001 hingga 500,000	862,374	8.92	109,154,775,301	70.06
500,001 dan ke atas	23,304	0.24	18,334,245,603	11.77
Jumlah	9,664,241	100.00	155,791,878,113	100

2. Setakat 31 Disember 2018, seramai lebih 9.6 juta pemegang unit telah melabur dalam Tabung ASB. Bilangan pemegang unit bagi 500,001 unit dan ke atas adalah seramai 23,304 orang atau 0.2% daripada jumlah keseluruhan pemegang unit Tabung ASB. Manakala, jumlah pegangan unit adalah sebanyak 18.3 bilion unit mewakili 11.8% daripada jumlah keseluruhan unit Tabung ASB yang dilanggan.

3. PNB berusaha memastikan setiap lapisan masyarakat Bumiputera mendapat peluang pelaburan dalam Tabung Amanah Saham Bumiputera (ASB), dengan menetapkan had pelaburan maksimum 200,000 unit bagi setiap pemegang unit, tanpa mengira tahap pendapatan individu. Pemegang unit yang memegang lebih daripada 200,000 unit mendapat manfaat daripada kuasa kompaun yang mengembangkan modal pelaburan dari tahun ke tahun sekiranya pemegang unit tidak mengeluarkan dividen atau pengagihan pendapatan yang diperolehi. Hasilnya, pelaburan berkembang untuk tempoh jangka masa yang panjang bertetapan dengan objektif pelaburan Tabung ASB.

4. Pihak PNB telah menjalankan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan tahap simpanan/pelaburan Bumiputera dalam ASB seperti program Literasi Kewangan yang berterusan bagi menyampaikan mesej kesedaran perihal pentingnya literasi kewangan dan pelaburan dalam kehidupan. Antara program capaian yang dijalankan termasuklah Seminar Pelaburan, Fiesta Labor, Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) yang mensasarkan pelbagai golongan sasaran seperti pelajar, guru, kakitangan kerajaan, pekerja swasta serta masyarakat umum.

5. Bagi memastikan setiap lapisan Bumiputera dapat menyertai ASB, pelbagai langkah diambil terutama untuk golongan Bumiputera B40 melalui Program Sosial Tajaan Kerajaan di mana para peserta yang memenuhi kriteria tertentu telah dikenalpasti oleh pihak kerajaan. Program ini mensasarkan golongan termiskin pelbagai kaum yang dikendalikan oleh ASNB seperti Program Pembiayaan Rakyat Termiskin, ASB Sejahtera, ASW 2020 Bandar, dan Skim Amanah Rakyat 1Malaysia (SARA 1M). Program ini seterusnya dapat meningkatkan pemilikan unit amanah bagi golongan tersebut.

6. Selain itu, pelbagai kaedah kemudahan pelaburan turut diperkenalkan iaitu pelaburan permulaan serendah RM10, Skim Potongan Gaji bagi menggalakkan pelaburan mengikut keupayaan individu, secara sistematik dan berterusan.

7. Kaedah pelaburan melalui pembiayaan dari bank-bank yang dibenarkan juga turut membantu golongan yang tidak mempunyai modal permulaan pelaburan namun mempunyai komitmen serta disiplin yang tinggi selaras dengan objektif pelaburan jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.